



TEKS UCAPAN

**YANG BERHORMAT DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

PROGRAM

**MAJLIS PERASMIAN INISIATIF SEKTOR PENJAGAAN DI BAWAH
BELANJAWAN MADANI 2026 DAN KEMPEN PENJAGAAN**

LOKASI / TARIKH / MASA

**HOTEL PULLMAN KUCHING SARAWAK
24 OGOS 2026 (ISNIN),
9.30 AM – 1.00 TENGAH HARI**

Kemas kini 22 Ogos 2026



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera, Salam Sarawak Maju Makmur dan
Salam Malaysia MADANI.

(SALUTASI - Lampiran disediakan)

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama pada hari ini dalam **Majlis Perasmian Pelancaran Inisiatif Sektor Penjagaan di bawah Belanjawan MADANI 2026 dan Kempen Penjagaan** yang penuh bermakna ini.

2. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang menjayakan majlis ini, khususnya para penjaga yang memainkan peranan penting dalam kesejahteraan keluarga dan masyarakat. Kehadiran kita pada hari ini membawa satu mesej yang jelas — **penjagaan bukan tanggungjawab sebuah kementerian atau keluarga tertentu sahaja. Penjagaan ialah tanggungjawab kita bersama.**

3. Selaras dengan **Dasar Sosial Negara 2030**, sektor penjagaan perlu diperkukuh sebagai sebahagian daripada pembangunan sosial dan ekonomi negara. Pelancaran hari ini menandakan perubahan dalam cara kita melihat Industri penjagaan — bukan hanya sebagai kebajikan, tetapi sebagai **satu keperluan dan pelaburan untuk masa hadapan.**

MALAYSIA MENUJU NEGARA TUA, KEPERLUAN TENAGA PENJAGAAN SEMAKIN MENINGKAT

Hadirin yang saya dihormati sekalian,

4. Malaysia sedang melalui satu perubahan demografi yang besar dan pantas. Negara kita dijangka memasuki fasa **negara tua atau aged nation menjelang tahun 2036**, apabila penduduk berumur 60 tahun dan ke atas dijangka melebihi 15 peratus daripada keseluruhan penduduk.

5. Pada masa yang sama, kadar kesuburan negara telah menurun daripada 2.93 anak bagi setiap wanita pada tahun 2000 kepada purata 1.60 anak pada tahun 2024. Perubahan ini memberi kesan kepada struktur keluarga dan meningkatkan keperluan terhadap perkhidmatan penjagaan jangka panjang.

6. Atas sebab inilah, kita perlu melihat kaitan antara **sektor penjagaan dengan penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan**. Kadar penyertaan tenaga buruh wanita meningkat daripada 47.2 peratus pada tahun 2000 kepada 56.5 peratus pada tahun 2024. Apabila perkhidmatan penjagaan lebih mudah diakses dan diyakini, lebih ramai wanita dapat terus bekerja dan menyumbang kepada ekonomi.

7. Sebab itulah penjagaan tidak boleh dilihat sebagai satu kos semata-mata — penjagaan ialah pelaburan kepada manusia, keluarga dan negara.

“Care is not a cost; it is an investment in people, families and the economy.”

PELABURAN KERAJAAN DALAM SEKTOR PENJAGAAN

Puan-puan dan tuan-tuan,

8. Selama ini, tanggungjawab penjagaan banyak dipikul oleh keluarga, khususnya wanita. Kita mahu mengubah keadaan ini dengan membangunkan sektor penjagaan yang lebih tersusun, berkualiti dan profesional. Di bawah Belanjawan MADANI 2026, KPWKM diperuntukkan sebanyak RM8 juta bagi melaksanakan inisiatif sektor penjagaan. Daripada jumlah tersebut, RM3 juta diperuntukkan bagi latihan penjaga, manakala RM5 juta untuk pembangunan piawaian penjagaan.

9. Latihan ini penting supaya penjaga mempunyai ilmu dan kemahiran yang betul dalam aspek keselamatan, komunikasi, pengurusan tingkah laku serta keperluan fizikal dan emosi individu yang dijaga. Kita mahu melahirkan **tenaga penjagaan yang kompeten, terlatih dan mempunyai laluan kerjaya yang jelas.**

10. Kerajaan memperuntukkan **RM5 juta bagi pembangunan piawaian penjagaan** dan kita mahu memastikan wujud **satu tanda aras kualiti yang jelas, konsisten dan diyakini**. Atas kesedaran inilah, KPWKM mengambil inisiatif untuk membangunkan **Piawaian Penjagaan Nasional Warga Emas dan OKU**. Piawaian ini bukan untuk menambah birokrasi atau membebankan penyedia perkhidmatan. Tujuannya adalah untuk memastikan setiap individu menerima penjagaan yang selamat, berkualiti, berperikemanusiaan dan menghormati maruah mereka.

KEMPEN PENJAGAAN 2026 – “KITA SAMA JAGA”

Hadirin yang saya hormati sekalian,

11. Pada hari ini, selain melancarkan Inisiatif Sektor Penjagaan KPWKM di bawah Belanjawan MADANI 2026, saya juga amat berbesar hati untuk melancarkan secara simbolik Kempen Penjagaan KPWKM yang membawa tema **“Ilmu Menjaga, KASIH Dirasa”**.

12. Tema ini ringkas, tetapi membawa mesej yang besar. Penjagaan yang baik mesti bermula dengan ilmu. Niat dan kasih sayang sahaja tidak mencukupi sekiranya tidak disertai dengan pengetahuan, kemahiran dan kefahaman tentang keperluan individu yang dijaga. Atas prinsip inilah KPWKM menyasarkan untuk melahirkan seramai **50,000 (lima puluh ribu)** penjaga berkemahiran menjelang tahun 2030, selaras dengan usaha Kementerian melalui Kerangka Strategik dan Pelan Tindakan Penjagaan Malaysia 2026–2030.

13. Kita mahu membina sebuah ekosistem penjagaan yang mempunyai kapasiti yang mencukupi, berkemahiran, berkualiti dan berteraskan nilai kemanusiaan.
14. Sebab itulah perkataan KASIH diberikan tempat yang istimewa dalam kempen ini. KASIH bukan sekadar slogan. KASIH ialah tindakan kerana ia membawa nilai yang menjadi teras kepada pelbagai inisiatif KPWKM, iaitu **Kasih Sayang, Akhlak, Sihat dan Selamat, Ilmu serta Harmoni**. Nilai-nilai ini sememangnya perlu diterjemahkan dalam kehidupan seharian.

15. Ia boleh ia boleh bermula dengan perkara yang mudah — bertanya khabar ibu dan ayah, membantu jiran yang memerlukan, meluangkan masa bersama warga emas, memahami keperluan OKU serta memastikan anak-anak mendapat penjagaan yang selamat dan berkualiti.
16. Hari ini, mungkin kita menjaga anak. Esok, mungkin kita menjaga ibu ayah yang semakin berusia. Pada suatu hari nanti, mungkin kita pula yang memerlukan penjagaan. Oleh itu, penjagaan ialah satu tanggungjawab yang akan menyentuh kehidupan kita semua.

17. Marilah kita menjadikan **“Ilmu Menjaga, KASIH Dirasa”** bukan sekadar tema sebuah kempen, tetapi satu nilai yang diamalkan dalam keluarga, komuniti dan masyarakat. Dengan ilmu kita menjaga, dengan KASIH kita bertindak dan dengan kebersamaan kita membina ekosistem penjagaan yang lebih kukuh. Kita Jaga Keluarga. Kita Jaga Masyarakat. Kita Sama Jaga.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

18. Pelancaran hari ini merupakan permulaan kepada usaha yang lebih besar untuk membina ekosistem penjagaan yang profesional, mampan dan berteraskan nilai kemanusiaan. Saya yakin, jika kita bergerak bersama, sektor penjagaan mampu berkembang daripada perkhidmatan sokongan kepada yang menyediakan pekerjaan, peluang keusahawanan, laluan kerjaya profesional dan nilai ekonomi yang besar kepada negara.

19. Lebih penting, kita mahu keluarga terus mendapat sokongan, wanita dapat kekal produktif, penjaga dihargai dan setiap individu yang memerlukan penjagaan dapat menjalani kehidupan dengan selamat, bermaruah dan sejahtera.

20. Dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim**, saya merasmikan **Inisiatif Sektor Penjagaan KPWKM di bawah Belanjawan MADANI 2026 dan pelancaran Kempen Penjagaan 2026.**

Sekian, wabillahitaufiq walhidayah.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

24 OGOS 2026